

Keupayaan Tapak Warisan Menyemarakkan Perpaduan

Mohd Hasrul Yushairi b. Johari
hasrul@bdrmelaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Semangat kesatuan dalam situasi kepelbagaian kaum di Malaysia amat dituntut di dalam perlembagaan. Walau bagaimanapun, memelihara keharmonian di antara kaum itu adalah sesuatu yang mencabar pada masa kini. Kerajaan telah giat berusaha memastikan keutuhan membina bangsa Malaysia tetapi rakyat Malaysia seolah-olah seperti di dalam keadaan tegang tapi stabil. Integrasi antara kaum selalunya tercetus melalui pemahaman antara budaya tetapi jarang dibincangkan bagaimana tapak warisan juga berupaya menyatukan kaum iaitu apabila melawat sesuatu tapak warisan bangsa lain, maka mereka juga dapat menyelami budaya dan mempelajari budaya kaum lain (*knowing the Other*). Justeru, apabila sesuatu kaum itu peka terhadap budaya orang lain hasil daripada lawatan di tapak warisan, maka sifat hormat menghormati di antara sesama kaum itu menjadi lebih kuat. Kajian di lakukan di tapak warisan Melaka yang mana tapak tarikan warisan telah menjadi suatu perdebatan di dalam arena akademik berkenaan dengan isu sejarah siapa yang perlu lebih menonjol di dalam paparan warisan. Keupayaan sesuatu tapak warisan di dalam menarik lebih banyak penyertaan sesuatu kaum untuk mempelajari budaya dan cara hidup kaum yang lain akan menimbulkan semangat saling cinta mencintai dan saling mengenali lantas menyemarakkan semangat perpaduan antara kaum.

Kata Kunci: perpaduan, budaya, multi-etnik, tapak warisan

PENGENALAN

Dalam masyarakat pascamoden, pelancongan sering mencerminkan hasrat seseorang itu untuk mencari keaslian, identiti dan penemuan yang diharap berbeza dari tempat asal mereka (Nuryanti, 1996). Pada masa yang sama, pelawat juga boleh menggunakan pemikiran intelektual dan imaginasi mereka untuk melahirkan perasaan sendiri terhadap tempat-tempat bersejarah tersebut (Nuryanti, 1996). Justeru, pelancongan warisan dilihat mampu mendidik orang ramai mengenai keunikan dan latar belakang sesebuah tempat kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk memerhati secara langsung persekitaran di tempat bersejarah itu.

Terdapat perbezaan antara pelancongan kebudayaan dengan pelancongan warisan di mana pelancongan kebudayaan merujuk kepada tarikan visual, seni persembahan dan perayaan manakala pelancongan warisan melibatkan lawatan fizikal ke tapak-tapak, bangunan atau monumen bersejarah. Lawatan warisan boleh dilakukan di sepanjang laluan, koridor, denai, bandar atau daerah yang memiliki ciri-ciri sejarah yang ketara. Keistimewaan yang terdapat pada pelancongan warisan adalah tahap kesediaan yang tinggi dalam diri para pelawat untuk mempelajari tentang sesuatu tapak bersejarah (Prentice, 1995). Majoriti pelawat mempelajari tentang masa silam sesebuah wilayah atau daerah melalui interpretasi di kawasan tapak, pameran, pusat pelawat dan lawatan berpandu (Hall dan McArthur, 1998).

Pelancongan warisan telah menjadi topik yang popular dalam kalangan penyelidik dan pengusaha industri sejak tahun 1990an (Nicholls, Vogt dan Jun, 2004). Ia dibahagikan kepada lima kategori. Pertama ialah pelancongan sastera iaitu perjalanan ke "tempat

sastera" yang dikaitkan dengan penulis terkenal (seperti lawatan ke rumah atau tempat kelahiran Shakespeare) dan/atau tempat-tempat yang mempunyai kaitan dengan kisah hidup mereka. Kedua ialah pelancongan legasi iaitu perjalanan yang berkaitan dengan usaha genealogi untuk mencari maklumat mengenai asal usul nenek moyang. Kategori ketiga pula merujuk kepada restoran sebagai tarikan warisan yang tidak hanya menyajikan makanan dan minuman malah turut menawarkan pengalaman melancong yang lengkap dan menarik. Pelancongan hitam atau *thanatourism* adalah kategori keempat yang merujuk kepada perjalanan ke tempat yang dikaitkan dengan kematian, bencana dan lain-lain kejadian tragis seperti dewan penyeksaan di dalam penjara. Akhir sekali, kategori kelima iaitu pelancongan warisan industri merupakan lawatan ke tapak perindustrian yang tidak lagi digunakan seperti bekas kuari dan kilang.

Ramai pengkaji bersetuju bahawa pelancongan warisan sememangnya memberi banyak manfaat terutamanya dalam usaha untuk memelihara sejarah, kebudayaan dan sumber semulajadi di dalam sesebuah masyarakat (Huh, 2002). Sekiranya penduduk tempatan dibenarkan untuk turut sama mengambil bahagian dalam pembangunan pelancongan, maka sumber-sumber warisan boleh dilindungi dengan lebih baik (A. Ghafar Ahmad, 1998). Pelancongan warisan juga turut membantu mempromosikan usaha-usaha pemeliharaan untuk memberi manfaat dan sumber pendidikan kepada pelawat yang berminat dan tahu menghargai bangunan-bangunan bersejarah. Penghargaan ini sangat bermakna kerana ia membantu mengekalkan keadaan bangunan bersejarah selain mengurangkan risiko banjir pelawat ke tapak-tapak yang agak 'rapuh' iaitu tidak sesuai menerima bilangan pelawat yang berlebihan (Koscak, 1999).

Bagi memenuhi hasrat untuk memelihara monumen dan tapak bersejarah, banyak organisasi warisan antarabangsa telah melaksanakan usaha bersepadu menerusi kerjasama dengan institusi swasta dan universiti untuk melindungi warisan kebangsaan. Antaranya ialah *International Council of Museums (ICOM)*, *International Council on Monuments and Sites (ICOMOS)*, *International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property, Rome (ICCROM)*, *International Institute for Conservation of Historic and Architectural Works (IIC)* dan *World Heritage Convention (WHC)*. Oleh kerana itu, topik warisan telah berjaya meraih perhatian ramai dan mencipta ruang tersendiri dalam banyak agenda rasmi (Kong, 1999). Lazimnya, pertubuhan-pertubuhan ini akan berkongsi konsep yang sama dalam memelihara warisan binaan sebagaimana tertera di dalam pernyataan misi ICOMOS iaitu untuk menyokong mana-mana pertubuhan awam dan swasta di seluruh dunia bagi melindungi, mengurus, mendokumentasi dan mempromosi khazanah warisan.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umum, adalah diakui bahawa Malaysia memaparkan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang budaya. Walau bagaimanapun, adalah diragui bagaimana pengunjung boleh memahami budaya kaum lain semasa lawatan di tapak warisan di Melaka. Ini adalah kerana wujudnya kepelbagaian jenis pelancong itu sendiri yang mempunyai tujuan dan tahap mempelajari budaya yang berbeza (Amran Hamzah & Rosli Noor, 2006). Di dalam konteks Melaka yang diiktiraf sebagai tapak warisan dunia, tiada data yang mencukupi untuk memahami hubungan yang signifikan di antara pengunjung yang berbilang kaum memahami budaya kaum lain semasa lawatan di tapak warisan.

Normala Othman (2013) menyatakan bahawa 75% daripada golongan Melayu, Cina dan India bersependapat bahawa keharmonian kaum di negara ini berada di paras yang sederhana. Henderson (2009) berpendapat ada kemungkinan bahawa negara yang mempunyai pelbagai budaya dengan beberapa identiti merupakan satu dilema. Walaupun Melaka sering dipaparkan sebagai negeri yang punya latar belakang budaya masyarakat

yang pelbagai tetapi paparan identiti Melayu masih lagi dominan. Maka tidak hairanlah budaya Melayu kebanyakannya mendapat tempat di dalam paparan di muzium (Worden, 2003). Hal ini adalah sejajar dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang mengisytiharkan bahawa budaya kebangsaan seharusnya berasaskan kepada budaya pribumi di Malaysia, iaitu Melayu. Tetapi Henderson (2009) melihat hal ini sebagai perkara yang membeza-bezakan taraf bagi paparan budaya. Perbezaan antara individu dan keunikan yang tertanam dalam setiap masyarakat berbilang budaya di Melaka menyukarkan keputusan tentang budaya dan identiti siapakah yang patut dinobatkan di destinasi yang mempunyai pelbagai latar belakang etnik (Cartier, 2001; Badaruddin Mohamed & Rahmat Azam Mustafa, 2005).

Promosi 'Melawat Melaka Bermakna Melawat Malaysia' masih boleh dipersoalkan iaitu budaya siapakah yang harus diketengahkan (Cartier, 2001; Worden, 2003; Badaruddin Mohamed dan Rahmat Azam Mustafa, 2005). Di dalam masa yang sama, wujud juga masalah paparan sejarah yang tidak sama rata antara kaum kerana setiap kumpulan etnik mempunyai versi sejarah mereka sendiri (Cartier, 2001). Walaupun begitu, tahap kefahaman seseorang pengunjung terhadap budaya lain semasa lawatan di tapak warisan tidak begitu jelas difahami dan diterokai. Walaupun ada satu jalan yang dikenali sebagai Jalan Harmoni yang menempatkan tiga tapak warisan ibadat berlainan kaum di Chinatown, Melaka yang juga digazet sebagai warisan kebangsaan, namun tiada kajian yang dilakukan bagi mengukur sekuat manakah apa yang disangkakan harmoni itu. Dihujahkan bahawa memahami tahap kepuasan seseorang pelawat di tapak warisan kaum yang lain mungkin membantu memperkukuhkan pemahaman terhadap budaya sesuatu etnik. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka tahap kepuasan pelawat Melayu, Cina dan India semasa lawatan serta sedalam manakah mereka menghayati budaya kaum lain sewaktu lawatan di tapak warisan ibadat.

Adalah dihujahkan bahawa terdapat keraguan sama ada pengunjung berbilang etnik berpuas hati dengan lawatan mereka di tempat bersejarah. Sesuatu tempat tarikan tidak mungkin akan menerima kunjungan semula melainkan jika ada maklum balas positif terhadap keraguan di atas. Jika jawapannya negatif, maka kerajaan negeri Melaka perlu merangka satu pelan strategik bagi menambahbaik aktiviti-aktiviti sedia ada dan mencadangkan produk lain supaya kepuasan pelawat dapat ditingkatkan. Walaupun pelawat pelbagai etnik dikatakan berpuas hati dengan lawatan mereka, namun tahap kepuasan mereka berdasarkan kepada pengalaman dengan paparan budaya warisan perlulah dikaji, setidak-tidaknya untuk tujuan pengurusan tapak berkenaan. Oleh kerana tiadanya maklumat yang mencukupi berkenaan kepuasan etnik terhadap pelancongan warisan, maka penulis berpendapat adalah perlu dijalankan analisa bagi mengenal pasti sejauh manakah keupayaan tapak warisan yang mewakili Melayu, Cina dan India benar-benar boleh menyemarakkan perpaduan hasil daripada pengalaman lawatan di tapak ibadat tersebut.

Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, persoalan am yang digariskan: Apakah pandangan pelawat Melayu, Cina dan India tentang kepuasan lawatan di tapak warisan ibadat di Melaka? Berdasarkan pernyataan tersebut, beberapa persoalan kajian membimbing kajian ini iaitu (1) Apakah bentuk paparan yang sepatutnya ada di tempat bersejarah yang membolehkan seseorang pengunjung memahami budaya kaum lain?; (2) Bagaimana pelawat multi etnik berpuas hati tentang maklumat yang dipaparkan di tapak warisan bagi membolehkan mereka belajar tentang budaya kaum lain?; (3) Sejauh mana seseorang pengunjung memahami dan lebih menghormati kaum lain hasil daripada lawatan tapak? Persoalan kajian 1 akan menjawab objektif 1, soalan 2 akan bertindak balas objektif 2 dan soalan 3 cenderung untuk merasionalkan matlamat 3.

TAPAK WARISAN MELAKA

Melaka adalah sebuah negeri bersejarah yang berupaya mempamerkan pelbagai jenis persekitaran binaan yang berbeza. Banyak hartanah di negeri ini memaparkan seni bina Melayu, Cina, India, Peranakan (Cina Selat), Portugis dan Belanda. Ia menggambarkan komuniti etnik yang berbeza dan seterusnya menghasilkan identiti budaya yang unik untuk bandar tersebut. Di sebalik semua ini, budaya dan warisan dianggap sebagai komponen penting dalam identiti dan pembangunan negara yang boleh membantu untuk mengikat penduduk yang berbilang kaum supaya bersama-sama berkongsi masa lalu (Henderson, 2009).

Memetik mesej dari Encik Kor Dijkgraaf, Pengerusi Forum *Shared Built Heritage* di Melaka pada 14-19 Februari, 2004, tempoh dari 1400 hingga 1950-an adalah era pengembangan Eropah (ICOMOS, 2004). Oleh itu, Melaka tidak terkecuali daripada kepentingan penjajah. Semasa pemerintahan Portugis dan Belanda di Melaka, mereka membina pusat perdagangan, kubu, bangunan pentadbiran dan gereja. Pada asalnya, mereka membina reka bentuk bangunan yang sama seperti di tanah air mereka, yang disesuaikan dengan iklim dan budaya tempatan, sekali gus menghasilkan ciptaan reka bentuk seni bina bangunan yang baru. Kini, bangunan-bangunan tersebut telah menjadi tinggalan khazanah warisan di Dataran Belanda dan A Famosa yang tidak menggambarkan identiti etnik Melayu, India, Cina atau lain-lain masyarakat minoriti di Melaka. Ianya adalah identiti kolonial penjajah kira-kira 500 tahun lalu dan dianggap sebagai tinggalan lampau. Kesemua binaan ini terletak dalam jarak berjalan kaki di laluan yang digelar Jejak Warisan Melaka. Jejak ini terdiri daripada kawasan warisan Chinatown, Dataran Belanda dan Dataran Portugis.

Melalui Struktur Rancangan Melaka 2001-2010, MBMB telah mengisytiharkan kawasan pemuliharaan di Bandar Melaka sebagai sumber warisan budaya negeri. Pelbagai program pemuliharaan telah dilaksanakan untuk mengekalkan keaslian tapak tersebut bagi melindunginya daripada kerosakan. Sekali lagi, melalui Perancangan Strategik 2009-2013, MBMB meneruskan usaha untuk memperbaiki kemudahan awam dan infrastruktur, meningkatkan kualiti perkhidmatan bandar dan mewujudkan persekitaran yang cantik, bersih dan selamat. Usaha ini menunjukkan komitmen untuk meletakkan zon bersejarah Melaka sebagai salah satu warisan yang terkenal di dunia. Zon pemuliharaan utama menjadi fokus terpenting dalam penyediaan Pelan Tindakan untuk Majlis Perbandaran Bandar Melaka. Kawasan pemeliharaan dan pemuliharaan telah diisytiharkan di bawah Enakmen Pemeliharaan dan Pemuliharaan Melaka 1988 (disemak pada 2001). Prosedur-prosedurnya adalah tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan di dalam Enakmen tersebut dan Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Pindaan A 933. Ini adalah penting bagi mengawal selia sebarang pembangunan yang tidak diingini di kawasan bersejarah dan menggariskan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh pemilik bangunan bersejarah sekiranya ada kerja-kerja ubahsuai yang ingin dilaksanakan.

ICOMOS (2008) melaporkan bahawa khazanah warisan di bandar bersejarah Melaka meliputi kawasan seluas 38.62 hektar yang terdiri daripada dua kawasan utama di kedua-dua tebing Sungai Melaka. Yang pertama adalah zon sivik Bukit St. Paul dengan beberapa bangunan kolonial, muzium, gereja dan kubu. Kebanyakan struktur seperti Stadthuys, Gereja Christ, Gereja St Francis Xavier, runtuhannya Gereja St Paul, menara jam dan Victoria Fountain terletak di Dataran Belanda. Yang kedua adalah zon kediaman dan komersil bersejarah yang terdiri daripada 600 buah rumah kedai dalam kawasan Chinatown. Zon inilah yang memberikan imej lengkap dan menarik, dengan segala elemen yang diperlukan untuk menggambarkan identiti pelbagai budaya. Di sinilah juga terletak pelbagai koleksi bangunan komersil dan kediaman serta rumah-rumah ibadat bagi masyarakat Melayu, Cina dan India serta beberapa makam. Kebanyakan struktur yang ada di Chinatown adalah serupa dari segi binaan dan reka bentuk dalamnya. Rumah-rumah kedainya pula

memaparkan pelbagai gaya dan pengaruh dari gaya Belanda hinggalah kepada reka bentuk moden.

Kawasan-kawasan pemuliharaan di atas telah ditentukan berdasarkan tiga kriteria. Pertama, rumah-rumah kedai tersebut mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari segi reka bentuk seni bina. Kedua, kawasan perdagangan awal dengan bangunan-bangunan lama dan ketiga, kawasan yang mencerminkan imej sejarah dan tradisi bandar ini. Dalam hal ini, produk pelancongan warisan di Melaka perlu dipelihara dan dihargai. Selain daripada itu, tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai tempat-tempat ini haruslah dipupuk di kalangan masyarakat kerana ini akan meningkatkan rasa bangga dan sayang kepada tempat (Nicholls, Vogt dan Jun, 2004).

GAMBARAN CIRI-CIRI FIZIKAL YANG ADA DI TAPAK WARISAN

Dalam menghuraikan hubungan antara tempat dan identiti, Kong dan Yeoh (1995) mendedahkan tiga kategori yang menyumbang kepada identiti sesuatu tempat, iaitu persekitaran binaan, ciri-ciri budaya yang tidak ketara dan *genius loci*. *Genius loci* atau dikenali sebagai 'semangat tempat' adalah ciri-ciri tidak ketara pada suatu tempat yang tidak boleh disentuh atau dirasai secara fizikal. Ia terdiri daripada persekitaran binaan yang tersendiri dan gabungan ciri-ciri budaya yang tidak ketara dan detik-detik bersejarah (Kong & Yeoh, 1995). Idea *genius loci* diterokai di tapak yang mana kesan gabungan visual dan bukan visual, ketara dan tidak ketara menimbulkan identiti spiritual (Kong & Yeoh, 1995). Bukti kepada unsur kerohanian atau elemen keagamaan di landskap Chinatown ini dapat dilihat pada bumbung Cheng Hoon Teng Temple dan Kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi yang menggambarkan patung mitologi naga, ular, lembu, gajah dan dewa. Patung-patung ini dikatakan mampu meningkatkan aura mistik dan kerohanian di tempat itu. Identiti tersendiri sesuatu tempat seperti itu boleh berlaku apabila manusia merasa rapat dengan tempat tersebut, merasai semangat kekitaan dan keakraban dengannya (Kong & Yeoh, 1995). Di Melaka, sebahagian besar kawasan Chinatown dihuni oleh masyarakat Cina. Kebanyakan mereka adalah penganut agama Buddha yang mengamalkan budaya Cina. Hal ini ditunjukkan melalui lorong-lorong di Chinatown yang menggunakan tulisan Cina dan patung-patung di kuil. Masyarakat Cina di Bandar Melaka memaparkan cara hidup mereka menerusi gaya bangunan yang unik dan lain-lain aktiviti sosial dan keagamaan. Rumah-rumah mereka terletak sebelah menyebelah dan kebanyakannya dihias dengan ukiran bunga, naga dan lain-lain simbol mitologi Cina yang berwarna-warni (Kong & Yeoh, 1995).

Keunikan Chinatown turut dipamerkan melalui mercu tanda bersejarah yang terkemuka seperti Tokong Cheng Hoon Teng yang berusia lebih 300 tahun (khusus untuk penganut Buddha atau kaum Cina), satu bukti bahawa orang Cina telah lama tinggal di kawasan ini. Di samping itu, terdapat juga bangunan bersejarah lain yang dibina tidak jauh dari kuil itu iaitu Masjid Kg. Kling (khusus untuk Muslim atau orang Melayu - bangsa majoriti yang beragama Islam) dan Kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthi (khusus untuk orang India atau penganut Hindu). Kewujudan bangunan-bangunan ini telah menimbulkan satu suasana harmoni kepada persekitarannya. Fenomena ini amat jarang ditemui kerana tidak ada tempat-tempat lain di dunia ini yang mempunyai bangunan masjid, tokong Cina dan kuil Hindu yang terletak sederet di sebatang jalan yang sama dan hanya dipisahkan antara satu sama lain oleh beberapa buah rumah kedai lama. Bangunan-bangunan ini terletak di sepanjang Jalan Harmoni (gabungan tiga jalan iaitu Jalan Tukang Besi, Jalan Tukang Emas dan Jalan Tokong). Ia dinamakan sedemikian untuk mencerminkan kewujudan rumah-rumah ibadat bagi kepercayaan agama yang berbeza yang menggambarkan suasana kehidupan masyarakat harmoni. Menerusi lawatan ke Chinatown, pelawat mendapati kawasan itu mudah dimasuki kerana tiada kesulitan untuk bergerak dan mencari sesuatu lokasi. Kewujudan papan tanda jalan dan tempat-tempat yang membawa kepada laluan yang ditandakan dengan jelas mewujudkan rasa selamat kepada pelawat (Kong & Yeoh, 1995).

Laporan ICOMOS (2008) nombor siri 1223 mengenai pencalonan Melaka dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia telah mengenal pasti beberapa kategori ketulenan di Melaka yang mewujudkan ciri-ciri khas pada tapak warisan itu. Pertama adalah keaslian warisan hidup berkaitan dengan kumpulan etnik yang terus mengamalkan budaya tradisional dan adat resam mereka seperti amalan di pusat-pusat ibadat, pesta dan perarakan, kehidupan seharian, budaya gastronomi, bau, bunyi dan bahasa. Kedua ialah keaslian bandar yang merangkumi struktur rumah kedai lama dengan corak jalan dan halamannya serta kesinambungan penggunaan bangunan untuk fungsi tertentu. Akhir sekali adalah keaslian seni bina yang menekankan reka bentuk dan mutu kerja yang mengkagumkan serta penggunaan bahan-bahan terbaik dalam beberapa bangunan kolonial yang masih teguh berdiri. Bagi Pearce (2005), kawasan pelancongan unggul yang khusus untuk mempromosi pengalaman di tapak harus memiliki seni bina yang tersendiri, unik, artistik dan nampak menyenangkan.

Berdasarkan kepada pemerhatian penulis di tapak warisan Melaka, dalam kehidupan seharian, majoriti orang Cina yang tinggal di kawasan Chinatown sememangnya memaparkan identiti kecinaan mereka dengan sepenuhnya. Mereka tinggal dalam bangunan-bangunan yang banyak dipengaruhi oleh corak seni bina Cina dan banyak tulisan Cina boleh dilihat di pintu masuk rumah mereka. Tambahan pula, apabila pelawat berada di kawasan itu, mereka boleh mendengar dengan jelas bahawa majoriti orang Cina bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Lagu-lagu berbahasa Cina juga ada kalanya boleh didengari berkumandang di beberapa kedai. Pelawat juga akan mendapati bahawa banyak perhiasan dan cenderamata dengan seni warisan Cina dijual kepada pelawat. Sekali sekala pelawat dapat menghidu bau asap colok di beberapa kedai. Orang Melayu dan India juga dikatakan memerhati cara hidup Cina semasa lawatan mereka ke Chinatown dengan menyaksikan seni bina yang tersendiri, patung, mitos dan simbol dalam persekitaran Cina itu. Tidak banyak bukti yang boleh dipersembahkan berkenaan warisan Melayu dan India yang jelas di kawasan Chinatown kerana kedua-dua tapak warisan dominan bagi kedua-dua kaum tersebut terletak di luar kawasan zon teras warisan. Yang ada hanyalah dua tapak warisan, iaitu masjid dan kuil Hindu, itupun menerima kunjungan yang kurang daripada pengunjung, walaupun pengunjung daripada kaum yang sama kerana kurang ataupun tiada langsung aktiviti di rumah ibadat tersebut yang boleh menarik minat pelawat. Lebih mendukacitakan apabila kuil Hindu tersebut selalu tertutup, malah tiada langsung dipaparkan papan penerangan dwibahasa. Oleh kerana pelawat pelbagai kaum yang datang ke Melaka itu kemungkinan datang dari seluruh pelusuk Malaysia, maka sudah tentulah sedikit sebanyak sentimen kaum menggugat pandangan dan kepercayaan mereka yang mana pasti mencorakkan cara pemikiran mereka. Justeru, adalah penting bagi memahaminya.

SIFAT SALING MENGENALI ANTARA KAUM

Walaupun Melayu, Cina dan India serta mana-mana golongan hasil daripada perkahwinan campur dipercayai telah hidup bersama sejak zaman pra-kemerdekaan, tetapi kebanyakan mereka masih kekurangan pengetahuan tentang budaya dan adat masing-masing. Masih terdapat kecenderungan yang lemah untuk mengambil tahu tentang 'Orang Lain' (*the Other*). Walaupun dalam masyarakat Malaysia wujud tolak-ansur dan kelaziman meraikan perayaan kaum-kaum lain, hakikatnya, situasi ini hanyalah satu amalan luaran kerana prejudis antara kaum masih wujud (Ahmad Murad Merican, 2012). Sejak tercapainya kemerdekaan, rakyat di Semenanjung masih melabel rakyat di Sarawak dan Sabah sebagai orang Sabah dan orang Sarawak, justeru mereka menjadi 'orang Lain'. Manakala mereka dari Borneo pula menamakan rakan mereka di Semenanjung sebagai 'orang Semenanjung'. Ini jelas menandakan bahawa mereka masih tidak dapat mengenali antara satu sama lain walaupun telah begitu lama tinggal dalam negara yang sama. Bagi

Ahmad Murad Merican (2012), beliau mengistilahkan keadaan ini sebagai “persekitaran yang tidak menyeronokkan”.

Pada 15 Jun 2009, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memperkenalkan gagasan 1Malaysia yang mencakupi dua aspek iaitu pertama, penerapan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, prinsip-prinsip kebangsaan berdasarkan perlembagaan Malaysia serta keadilan sosial; dan kedua, penerapan nilai-nilai moral yang positif. Kedua-dua aspek ini menuju ke arah matlamat yang sama iaitu perpaduan negara (Yusri Mohamad Ramli & Ghani Jusoh, 2012). Gagasan 1Malaysia menekankan sikap penerimaan terhadap kepelbagaian etnik dan keunikan setiap satu daripadanya di samping menghargai kaum lain sebagai aset berharga dan identiti sebagai rakyat Malaysia. Walaupun Kerajaan Malaysia memperkenalkan dasar untuk mewujudkan integrasi yang lebih baik antara kumpulan-kumpulan etnik, namun ia telah disalahertikan oleh beberapa golongan yang mengakibatkan dasar tersebut dipersoalkan lantaran menjejaskan pelaksanaannya (Zahara Aziz, Amla Salleh & Hardiana Ema Ribu, 2010) kerana tahap memahami nilai budaya antara kaum masih kurang (Mohd Azhar Abdul Hamid, Rosman Md. Yusoff, Muhammed Fauzi Othman & Mohd Koharuddin Balwi, 2013). Malah, sebagaimana diujahkan oleh Raihanah (2009), terlalu sedikit usaha yang dilakukan oleh pentadbir untuk memastikan proses integrasi kaum secara mapan.

Menurut Mohd Azhar Abdul Hamid et al. (2013), walaupun wujud proses asimilasi dan integrasi kaum di Malaysia, etnosentrisme (mengagungkan budaya sendiri) menyebabkan orang-orang Cina sukar mengadaptasikan dirinya dengan budaya lain contohnya Melayu. Ini mencetuskan perbezaan dan konflik nilai, budaya dan kepentingan. Kedua-dua etnik memiliki budaya, sistem kepercayaan dan nilai yang berbeza. Masih ramai orang Cina yang tidak mengetahui dan memahami nilai, budaya dan sistem kepercayaan orang Melayu dan begitulah sebaliknya. Kefahaman dan pengetahuan yang cetek tentang nilai, budaya dan sistem kepercayaan ini telah mewujudkan stereotaip dalam kalangan mereka.

Sungguhpun demikian, Abdul Rahman Embong (2000) bersifat lebih optimis dengan menyatakan walaupun penduduk pelbagai kaum di Malaysia ini mempunyai latarbelakang budaya yang berbeagai-bagai, namun mereka boleh membentuk satu bangsa baru setelah mereka mempunyai pengalaman hidup bersama dalam satu masa yang agak panjang dan membentuk perasaan sebangsa. Walaupun pada mulanya sejarah pelbagai kaum di negara ini berlainan, tetapi masyarakat pelbagai kaum di Malaysia semakin menerima hakikat bahawa mereka boleh berkongsi wilayah, ekonomi dan masa depan bersama serta memiliki bahasa Melayu sebagai bahasa bersama. Namun, pendapat ini hanyalah sebagai menyedapkan hati sendiri apabila Lee Hock Guan (2000) melaporkan bahawa selepas merdeka, hubungan etnik menjadi kusut dan dipengaruhi oleh perjuangan komuniti etnik yang bersaing untuk mendapatkan identiti kebangsaan, perkongsian kuasa politik dan pengagihan kekayaan ekonomi.

Walaupun begitu, Noraini M. Noor (2009) menyelar pandangan tersebut kerana berpendapat sekiranya sesebuah negara itu ingin mengorak langkah ke arah kemajuan, maka pendirian dan perbezaan yang tidak adil antara kumpulan etnik perlu dirungkaikan. Oleh kerana pemimpin politik tidak boleh diharapkan untuk melakukan tugas ini, lantas tanggungjawab itu terletak kepada rakyat sendiri. Sekiranya setiap kumpulan etnik boleh mengenyahkan kepentingan masing-masing dan mengubah cara berfikir, mereka mungkin akan menyedari bahawa kebimbangan terhadap etnik lain adalah tidak berasas. Justeru, usaha tersebut membuka peluang untuk mengurangkan perbezaan yang telah memisahkan mereka selama ini. Noraini mencadangkan bahawa pendekatan psiko-budaya yang menyebelahi perdamaian hubungan Melayu-Cina berdasarkan nilai-nilai budaya yang dikongsi bersama. Beliau menjelaskan bahawa kefahaman terhadap nilai-nilai yang dikongsi ini tidak akan menukar perjalanan sejarah tetapi ia boleh membuat sumbangan yang bermakna untuk mengurangkan konflik antara etnik lantas membuka jalan bagi kumpulan-kumpulan itu untuk bersatu. Walaupun konflik di antara etnik itu tidak dapat ditamatkan

secara tuntas, namun sekurang-kurangnya, persamaan budaya yang dikenalpasti itu dapat menerbitkan perasaan bertimbang rasa, simpati dan saling menghargai sesama kaum (Noraini M. Noor, 2009, ms. 166).

PERPADUAN ANTARA KAUM

Melalui transformasi Dasar Ekonomi Baru (DEB), etnik Melayu dan Bumiputera lainnya yang dahulunya rata-rata masyarakat petani, kini telah menjadi masyarakat bandar yang terlibat dalam semua sektor pekerjaan bersama-sama etnik Cina, India dan lain-lain. Mereka menjadi tenaga penting di kalangan pekerja profesional dan pengurusan, serta menjadi bilangan terbesar di kalangan pekerja kolar biru (Abdul Rahman Embong, 2000). Walau bagaimanapun, pendapat tersebut masih lagi menjadi satu kesangsian. Menurut Mohd Azhar Abdul Hamid et al. (2013), polarisasi dan segregasi antara orang Melayu dan Cina masih jelas kelihatan dalam kebanyakan sektor. Dalam bidang ekonomi, orang Cina masih mendominasi hampir keseluruhan sektor sama ada yang berskala besar mahu pun kecil dan tidak menghairankan bahawa misi dan matlamat perjuangan mereka adalah untuk kepentingan kaum.

Walaupun demikian, Ee Lin Lee (2007) berasa sangsi bahawa orang-orang Cina itu berjuang untuk kepentingan kaum mereka. Penulis mendedahkan bahawa orang Cina di Malaysia mempunyai mentaliti yang mementingkan diri sendiri. Malah, sesetengah Cina Malaysia boleh mencemuh kaum mereka sendiri sambil membandingkan kelebihan-kelebihan yang mereka ada. Perilaku mereka ini diungkap oleh penulis sebagai 'kiasu' bagi memahami cara berfikir orang Cina di Malaysia. Kiasu adalah bahasa pertuturan Hokkien bermaksud takut kehilangan, takut kalah kepada orang lain ataupun takut untuk menjadi lebih teruk daripada yang lain. Seseorang yang kiasu adalah "orang yang terlampau berhati-hati" yang bertindak untuk kepentingan sendiri sehingga boleh mengecualikan orang lain. Menurut Ee Lin Lee (2007), jika orang lain mempunyai sesuatu, kita juga mesti mempunyai sesuatu. Bukan sahaja kita mesti mempunyai sesuatu, tetapi sesuatu yang kita punyai mestilah lebih baik daripada orang lain. Berkemungkinan terma kiasu ini bertepatan dengan kenyataan Yong Yee (2013) yang menuduh kerajaan pada masa ini bersifat diktator kerana memaksa kaum bukan Melayu untuk menerima pakai penggunaan satu bahasa sebagai satu mekanisme perpaduan. Penulis secara terang bersifat kiasu apabila beliau berhujah bahawa perpaduan yang sebenarnya adalah dengan membiarkan sesuatu kumpulan etnik itu berada di dalam kelompok mereka sendiri yang bebas mengamalkan aktiviti yang mereka suka asalkan tidak mengganggu ketenteraman orang lain. Beliau menekankan betapa kebebasan perlu diberikan di dalam menentukan pilihan hidup yang mahu dilaksanakan oleh kaum lain tanpa ada apa-apa sekatan, dengan cara ini sudah memadai untuk hidup aman di bumi ini.

Namun, seandainya kerajaan tunduk kepada pandangan golongan ultra kiasu ini, maka ianya akan menyebabkan "masyarakat berpetak" (*compartmentalized society*) seperti yang dinyatakan Raihanah (2009) itu semakin menyerlah dan akan wujud blok pemisah yang lebih tebal di kalangan kaum. Pandangan Yong Yee (2013) yang sempit itu ternyata tidak akan mewujudkan integrasi antara kaum kerana ianya mementingkan diri sendiri.

Justeru, bagi memastikan agar integrasi antara kaum itu dapat dilakukan, maka pendekatan psiko-budaya yang dicadangkan Noraini M. Noor (2009) boleh dipertimbangkan perlaksanaannya. Saranan beliau supaya setiap kumpulan etnik memberikan lebih penghayatan ke atas konsep nilai adalah sesuatu yang boleh diambil kira. Menurut Noraini M. Noor (2009), nilai-nilai yang digariskan merujuk kepada standard atau prinsip-prinsip sejagat yang ditegakkan bukan berdasarkan kepada falsafah dan doktrin-doktrin agama yang tertentu. Nilai-nilai ini termasuklah sikap dan orientasi yang mempunyai impak positif (contohnya kejujuran, kasih sayang, pengorbanan, kesabaran, kehormatan dan lain-lain) dan impak negatif (contohnya mementingkan diri, sombong, tamak, rasuah dan mencuri) ke

atas individu dan masyarakat. Nilai-nilai yang berkaitan dengan institusi-institusi atau alam sekitar pula bertujuan untuk meningkatkan aspek moral kewujudan manusia (contohnya, institusi seperti keluarga, perkahwinan dan komuniti), visi yang berkaitan dengan makna hidup dan proses kehidupan (contohnya, upacara dan ritual kepada beberapa peristiwa penting dalam kehidupan) dan akhir sekali, ikatan keakraban sesama manusia. Sekiranya terdapat usaha menggalakkan kefahaman ke atas nilai-nilai yang dikongsi bersama antara budaya dan agama yang berbeza ini, maka setidaknya pendekatan psiko-budaya tersebut mampu mengurangkan konflik antara kumpulan etnik dan seterusnya kebimbangan dan persepsi ancaman boleh dikurangkan.

Usaha perpaduan antara kaum ini juga disentuh oleh Ezhar Tamam (2009) berdasarkan kepada *contact theory* atau teori hubungan yang menghujahkan bahawa sekiranya hubungan antara etnik itu berlaku di dalam satu persekitaran yang disenangi, maka ia boleh meminimumkan konflik kerana berlakunya proses pembelajaran dan pemahaman nilai-nilai positif yang ada pada setiap kumpulan etnik. Berdasarkan teori tersebut, penulis memeriksa hubungan di antara pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Menurut beliau, persekitaran multi-etnik di beberapa universiti menawarkan satu peluang untuk pemuda pemudi membangunkan dan mengukuhkan sikap positif terhadap kumpulan etnik yang berlainan. Untuk meningkatkan perhubungan (*contact*), universiti-universiti di Malaysia menekankan integrasi kaum di dalam pembelajaran dan aktiviti ko-kurikulum. Para pelajar juga mempelajari mengenai budaya yang dimiliki oleh pelbagai kumpulan etnik. Sebagai tambahan, modul hubungan etnik juga diperkenalkan sebagai salah satu kursus yang perlu dipelajari oleh penuntut pada tahun pertama.

SIFAT MEMAHAMI BUDAYA KAUM LAIN

Setiap individu adalah berbeza dari segi pengalaman dan keterbukaan mereka terhadap orang, nilai dan artifak budaya lain (Salfarina Abdul Gapor, Mohd Zaini Abu Bakar, Azeem Fazwan Ahmad Farouk, 2009; Yusri Mohamad Ramli & Ghani Jusoh, 2012). Peluang untuk berinteraksi dengan budaya lain mempunyai pengaruh untuk mengurangkan prejudis budaya (Mohd Azhar Abd. Hamid et al., 2013; Zahara Aziz, Amla Salleh & Hardiana Ema Ribu, 2010; Chin, 2009; Shamsul, 2001). Sikap etnosentrik iaitu menganggap adat dan budayanya adalah paling unggul berbanding etnik lain merupakan satu penghalang besar untuk seseorang individu itu belajar memahami kaum lain.

Abdul Razak Kamaruddin, Safiek Mokhlis dan Md. Nor Othman (2002) menegaskan bahawa kecenderungan etnosentrik mewakili kepercayaan yang dipegang oleh pengguna mengenai kesesuaian dan nilai moral dalam membeli produk buatan asing. Ini boleh berlaku kerana pengguna yang bersifat sangat etnosentrik merasakan bahawa membeli produk asing perlu dijauhi kerana perbuatan tersebut mempengaruhi ekonomi domestik dan bersifat tidak patriotik. Pengguna yang sangat etnosentrik seringkali membuat pertimbangan dan penilaian ke atas sesuatu produk bagi memastikan sejauh mana sesuatu produk tersebut mempunyai ciri persamaan dengan budaya mereka. Menurut Salfarina Abdul Gapor et al. (2009), etnosentrisme tidak boleh dihapuskan tetapi ia boleh diminimumkan dengan mengurangkan perbezaan-perbezaan budaya, meruntuhkan tembok penghadang yang dibina oleh kumpulan yang dominan untuk menyetepikan kumpulan minoriti dan dengan memperkasakan kumpulan yang kurang bernasib baik untuk mencipta satu keadaan yang lebih adil dan saksama.

Dari sudut pandangan pemasaran, Abdul Razak Kamaruddin & Kamarulzaman Kamaruddin (2009) bersetuju bahawa orang Melayu mengambil kira faktor keagamaan di dalam menentukan tingkahlaku membeli-belah. Ini adalah kerana sebagai pengguna yang mengutamakan kualiti, orang Melayu sangat berminat untuk mendapatkan produk yang patuh syariah. Walaupun demikian, penyelidik tersebut mengungkapkan bahawa kajian ke

atas pemahaman antara nilai-nilai budaya Melayu dan kaitannya dengan perilaku membeli belah sangat jarang dilakukan. Caffyn dan Lutz (1999) mengutarakan persoalan tentang bagaimana untuk membangunkan pelancongan warisan yang mengambil kira aspek sosial dan mengiktiraf keperluan dan kehendak kumpulan-kumpulan etnik minoriti. Hujahnya adalah begitu mudah iaitu sejauh mana kumpulan minoriti turut serta di dalam perancangan pelancongan warisan. Cabaran timbul apabila wujudnya tentangan bagaimana etnik minoriti ini berupaya untuk meneruskan kelangsungan budaya dan warisan mereka sedangkan pada masa yang sama kerajaan mempunyai perancangan warisan yang berbeza serta bersifat antagonis dengan keperluan warisan penduduk minoriti.

Bagi memahami lebih mendalam berkenaan dengan apa yang menyebabkan wujudnya pertentangan dalam diri seseorang individu itu, maka Salfarina Abdul Gapor et al. (2009) mengklasifikasi individu samada konservatif, individualistik dan kolektivistik. Umumnya, difahami bahawa mereka yang bersifat konservatif cenderung untuk menghargai tradisi dan institusi sosial yang mampu bertahan daripada ujian masa. Konservatif yang melampau mempunyai ciri-ciri pro kepada pembangunan, mengutamakan konvensional, mendesak untuk peraturan yang ketat dan hukuman setimpal dan berpandangan anti hiburan, manakala masyarakat individualistik adalah mereka yang menghargai individu-individu. Masyarakat kolektivistik pula meletakkan kepentingan kepada kumpulan dan bukannya individu, menekankan kerjasama dalam kalangan ahli-ahli kumpulan dan kepentingan matlamat kumpulan berbanding matlamat individu. Mereka yang bersifat kolektivistik mungkin memperlihatkan kecenderungan sebagai pengguna etnosentrik kerana cenderung untuk mempertimbangkan kesan tingkah laku mereka kepada masyarakat dan melahirkan rasa tanggungjawab terhadap orang lain. Sebaliknya, mereka yang individualistik kurang cenderung untuk menjadi pengguna etnosentrik kerana mereka hanya bertindak demi kepentingan diri sendiri.

Maka, atas alasan yang logik, Salfarina Abdul Gapor et al. (2009) mengungkap satu hipotesis bahawa pengguna Melayu adalah lebih konservatif daripada Cina disebabkan emosi berkenaan status asal dan patriotisme mereka. Oleh itu, mereka diramal mempunyai kecenderungan etnosentrik yang kukuh dan akan menilai produk-produk tempatan sebagai penting untuk menyelamatkan ekonomi negara.

KESIMPULAN

Manifestasi yang sering digunapakai untuk mewakili jalinan perasaan antara seseorang dengan sesuatu tempat dikenali sebagai 'rasa sayang kepada tempat'. Relph (1976) merangkumkan rasa sayang kepada tempat sebagai satu pertalian emosi kepada tempat yang timbul melalui pengalaman yang menghubungkan manusia dengan persekitaran. Jalinan perasaan ini wujud apabila manusia membina interaksi yang erat dengan ruang dan suasana. Ketika melakukan aktiviti seharian seperti bekerja, bermain, meluangkan masa dengan orang tersayang dan mengembara atau bergerak di sekeliling persekitaran mereka, manusia akan merasai pengalaman positif dan negatif yang memberi makna kepada mereka (Norsidah Ujang & Kamariah Dola, 2007; Manzo, 2003). Selanjutnya, Creswell (2009) menjelaskan bahawa makna-makna ini berbeza antara individu kerana ia terbit berdasarkan kisah hidup seseorang. Contohnya, semakin aneh sesebuah tempat itu, semakin mampu ia menarik pelawat yang mahu mengetahui dan mempelajari mengenai tempat tersebut dan dengan itu, makna-makna akan tercipta hasil hubungan antara manusia yang tinggal atau melawat tapak itu.

Di dalam konteks pelawat pelbagai kaum yang datang ke Bandar Melaka, komposisi mereka ada yang asal dari Melaka (menetap di Melaka atau kerja di luar dari negeri Melaka) dan bukan berasal dari Melaka. Keadaan ini dinamakan konsep dualisma dalaman-luaran yang dipelopori oleh Relph (1976) ini dihuraikan oleh Chang (2000) yang menyatakan bahawa individu atau pelawat tidak semestinya menjadi orang luar manakala tidak semua

orang tempatan selalu dianggap sebagai orang dalam. Hubungan 'orang luar – orang dalam' ini hanyalah perbezaan yang sangat kecil kerana bukan semua pelawat mewakili perasaan pihak luaran, dan bukan semua penduduk tempatan mempamerkan semangat kepunyaan terhadap tanah air mereka. Tapi, ini bukanlah satu perkara yang penting kerana yang paling mustahak adalah sejauh manakah semarak perpaduan itu terjalin hasil daripada memahami budaya kaum lain melalui lawatan tapak warisan.

RUJUKAN

- A. Ghafar Ahmad. (1998). *Urban tourism in Malaysia: Heritage cities of Georgetown, Malacca and Kota Bharu*. Paper presented at the 2nd International Seminar on European Architecture and Town Planning Outside Europe (Dutch Period), Malacca, 2-5 November 1998. Retrieved from <http://www.hbp.usm.my/conservation/SeminarPaper/malacca%20seminar.html>
- Abdul Rahman Embong. (2010). *Malaysian studies: Looking back, moving forward*. Kajang, Selangor: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Abdul Razak Kamaruddin & Kamarulzaman Kamaruddin. (2009). Malay culture and consumer decision-making styles : an investigation on religious and ethnic dimensions. *Jurnal Kemanusiaan*, 14, 37–50.
- Ahmad Murad Merican (2012, March 17). Making a date with the Other. *New Straits Times*. Retrieved from <http://www.accessmylibrary.com/article-1G1-283573025/making-date-other.html>
- Amran Hamzah & Rosli Noor (2006). Is historic Melaka ready for world heritage listing? *Malaysian Town Plan*, 3, 5-18.
- Badaruddin Mohamed, A. Ghafar Ahmad & Nurwati Badarulzaman (2008). *Challenges of historic cities in the new millennium: Lessons from Malaysia*. Retrieved from http://www.cpiasia.net/english/index.php?option=com_content&view=article&id=402%3AChallenges-of-historic-cities-in-the-new-millennium-lessons-from-malaysia&catid=82%3AArts%2C+Culture+&Heritage=&Itemid=152
- Caffyn, A., & Lutz, J. (1999). Developing the heritage tourism product in multi-ethnic cities. *Tourism Management*, 20, 213–221. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0261517798000752>
- Cartier, C. (2001). Imaging Melaka's global heritage. In P. Teo, T. C. Chang, & H. K. Chong (Eds.), *Interconnected Worlds: Tourism in Southeast Asia* (pp. 193-212). Oxford: Elsevier Science.
- Chang, T. C. (2000). Singapore little India: A tourist attraction as a contested landscape. *Urban Studies*, 37, 343-366.**
- Chin, J. (2009). The Malaysian Chinese Dilemma : The Never Ending Policy (NEP). *Chinese Southern Diaspora Studies*, 3, 167–182.
- Cresswell, T. (2009). Place. In R. Kitchin & N. Thrift (Eds.), *International encyclopedia of human geography*, 8, (pp. 169-177). Oxford: Elsevier.

- Ee L. L. (2007). The Chinese Malaysians' selfish mentality and behaviors: Rationalizing from the native perspectives. *China Media Research*, 3, 91–101.
- Ezhar Tamam. (2009). Influence of interethnic contact on interethnic attitudes of Malay and Chinese-Malaysian university students in Malaysia. *Human Communication*, 12, 53-66.
- Hall, C. M., & McArthur, S. (1998). *Integrated heritage management: Principles and practice*. London: The Stationery Office.
- Henderson, J. C. (2009). Tourism policy and cultural heritage in multi-ethnic societies: A view of Malaysia. *International Journal Tourism Policy*, 2, 138-144.
- Huh, J. (2002). *Tourist satisfaction with cultural/heritage sites: The Virginia historic triangle*. (Unpublished master's thesis). Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg.
- ICOMOS (2004). *Booklet shared built heritage city of Melaka, Malaysia: A living testimony to the multicultural heritage and tradition of Asia*. Rotterdam: Urban Solutions.
- ICOMOS (2008). Report for Melaka and George Town for World Heritage Site nomination. Retrieved from http://whc.unesco.org/archive/advisory_body_evaluation/1223.pdf
- Kong, L. (1999). The invention of heritage: Popular music in Singapore. *Asian Studies Review*, 23, 1-25.
- Kong, L., & Yeoh, B. S. A (1995). The meanings and making of place: Exploring history, community and identity. In L. Kong & B. S. A. Yeoh (Eds.), *Portraits of places: History, community and identity in Singapore* (pp. 12-23). Singapore: Times Edition.
- Koscak, M. (1999). Heritage trails through Dolenjska & Bela Krajina in South East Slovenia bordering region between Slovenia & Croatia. *Zemědělská Ekonomika*, 45, 71-77.
- Lee, H. G. (2000). Ethnic relations in Peninsular Malaysia: The cultural and economic dimensions. *Social and Cultural Issues*, 1, 1–45.
- Manzo, L. C. (2003). Beyond house and haven: Towards a revisioning of emotional relationships with places. *Journal of Environmental Psychology*, 23, 47-61.
- Mohd Azhar Abd. Hamid, Rosman Md. Yusoff, Muhammed Fauzi Othman & Mohd Koharuddin Balwi. (2013). Perspektif orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Jurnal Teknologi*, 60, 11-19.
- Nicholls, J., Vogt, C., & Jun, S. H. (2004). Heeding the call for heritage tourism. *Park and Recreation*, 39, 38-49.
- Noraini M. Noor. (2009). The future of Malay-Chinese relations in Malaysia. In C. J. Montiel and N. M. Noor (Eds.), *Peace Psychology in Asia* (pp. 161–172). New York, NY: Springer US. doi:10.1007/978-1-4419-0143-9

Norsidah Ujang & Kamariah Dola (2007). *Linking activity and place attachment dimensions in enhancing the sense of place. International Journal on Sustainable Tropical Design Research & Practice*, 2, 59-67.

Nuryanti, W. (1996). Heritage and postmodern tourism. *Annals of Tourism Research*, 23, 249-260.

Pearce, P. L. (2005). *Tourist behavior: Themes and conceptual schemes*. Clevedon: Channel View Publication.

Prentice, R. F. (1995). Heritage as formal education. In D. T. Herbert (Ed.), *Heritage, tourism and society* (pp. 146-169). London: Mansell.

Raihanah M. M. (2009). Multiculturalism and the politics of expression: An Appraisal. *European Journal of Social Sciences*, 7, 63–70.

Relph, E. (1976). Place and placeless. London: Pion Ltd.

Salfarina Abdul Gapor; Mohd Zaini Abu Bakar; Azeem Fazwan Ahmad Farouk. (2009). Explaining Ethnic relations in Malaysia through the “concentric circle model”: Case studies of the states of Perak and Kelantan, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 12, 252–258.

Salfarina Abdul Gapor; Mohd Zaini Abu Bakar; Azeem Fazwan Ahmad Farouk. (2009). Explaining Ethnic relations in Malaysia through the “concentric circle model”: Case studies of the states of Perak and Kelantan, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 12, 252–258.

Shamsul A. B. (2001). A history of an identity, an identity of a History: The idea and practice of ‘Malayness’ in Malaysia reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32, 355-366.

Worden, N. (2003). National identity and heritage tourism in Melaka. *Indonesia and the Malay World*, 31, 31-43.

Yong Yee. (2013, September 11). Isu-isu akhbar Cina: Hak peribadi tidak mahu bergaul kaum lain. *Utusan Malaysia Online*. Retrieved from http://utusan.com.my/utusan/Rencana/20130912/re_07/ISU-ISU-AKHBAR-CINA#ixzz2eef9wyTq

Yusri Mohamad Ramli & Ghani Jusoh. (2012). Najib Razak’s 1Malaysia and charter of Medina's one ummah: Comparative perspective. *International Journal of Business and Social Science*, 3, 95–102.

Yusri Mohamad Ramli & Ghani Jusoh. (2012). Najib Razak’s 1Malaysia and charter of Medina's one ummah: Comparative perspective. *International Journal of Business and Social Science*, 3, 95–102.

Zahara Aziz; Amla Salleh & Hardiana Ema Ribu. (2010). A study of national integration: impact of multicultural values. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*, 7, 691-700. doi:10.1016/j.sbspro.2010.10.094



Zahara Aziz; Amla Salleh & Hardiana Ema Ribu. (2010). A study of national integration: impact of multicultural values. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*, 7, 691-700. doi:10.1016/j.sbspro.2010.10.094